

Newspaper

Utusan Malaysia

Date

12 February 2016

Keamanan dan keharmonian negara keutamaan kerajaan

Tiada tolak ansur anasir radikal, ekstremis - PM

Um- 12/2/2016

Oleh HUSSAINI AMRAN

hussaini.amran@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 11 FEB.

DATUK Seri Najib Tun Razak menegaskan, kerajaan tidak akan bertolak ansur dengan sebarang pandangan dan tindakan berunsur radikal serta ekstremis yang boleh mengancam keselamatan rakyat.

Perdana Menteri berkata, pihak berkuasa akan mengambil tindakan terhadap mana-mana pihak yang berbuat demikian.

Menurut beliau, keharmonian masyarakat pelbagai kaum di negara ini mesti dikekalkan dan kerajaan sentiasa melakukan yang terbaik dalam mempertahankan serta menjaga keamanan, keharmonian dan keselamatan negara.

"Keselamatan negara dan keharmonian yang wujud di negara ini adalah sangat berharga.

"Ada ikatan kukuh yang menyatukan kita semua dan kita akan terus berusaha memastikan seluruh rakyat hidup dalam suasana aman serta harmoni," katanya dalam kenyataan melalui laman blog *NajibRazak.com* hari ini.

Najib turut menyatakan kegem-

birannya ketika menyaksikan rakyat Malaysia daripada pelbagai kaum dan agama bersama-sama meraikan sambutan Tahun Baharu Cina dalam majlis-majlis rumah terbuka perayaan tersebut yang dihadiri beliau baru-baru ini.

Beliau memberitahu, amalan itu menunjukkan semangat sebenar Malaysia sekali gus menjadikan masyarakat pelbagai kaum yang hidup di bawah satu bumbung di negara ini sesuatu yang unik pada pandangan mata dunia.

Sementara itu, Perdana Menteri mengucapkan tahniah kepada pengasas Persatuan Bantuan Perubatan Malaysia (Mercy Malaysia), Tan Sri Dr. Jemilah Mahmood di atas pelantikannya sebagai Pengerusi Akademi Kepemimpinan Kemanusiaan.

"Tahniah Dr. Jemilah Mahmood dilantik sebagai Pengerusi Akademi Kepemimpinan Kemanusiaan. Malaysia bangga dengan usaha Dr. membantu mereka yang memerlukan," katanya melalui Twitter beliau hari ini.

Pengumuman tentang pelantikan Jemilah itu dibuat menerusi artikel yang disiarkan dalam laman web Persekutuan Antarabangsa Persatuan Palang Merah dan Bulan Sabit Merah (IFRC), semalam.



Ada ikatan kukuh yang menyatukan kita semua dan kita akan terus berusaha memastikan seluruh rakyat hidup dalam suasana aman serta harmoni."

NAJIB TUN RAZAK
Perdana Menteri